

## Research Workshop & Seminar



**8 NOVEMBER 2023** PENYELIDIKAN

### Bengkel Kriteria MyCite bersama Dr. Mohd Khairul Naim Che Nordin

Bahagian Penyelidikan dan Penerbitan telah menganjurkan Bengkel Kriteria MyCite bersama Dr. Mohd Khairul Naim Che Nordin, Pensyarah Kanan, Jabatan Akidah & Pemikiran Islam sebagai fasilitator berkaitan pengindeksan jurnal. Bengkel hari ini telah dihadiri seramai 15 orang bertempat di Balai Ilmu Mahmood Zuhdi @ CUBE, APIUM.



**14 NOVEMBER 2023** PENYELIDIKAN

### Bengkel Penerbitan Buku bersama Puan Hariza Mohd Yusof, Pengarah Penerbit, USIM

Bengkel ini telah mengupas sedikit sebanyak pengenalan berkenaan penerbitan di Penerbit USIM. Selain itu, kolaborasi USIM bersama pihak luar diketengahkan bagi memudahkan kerjasama sekaligus menyelami dengan lebih mendalam langkah serta proses penerbitan yang dilaksanakan oleh Penerbit USIM. Semoga bengkel ini, memberikan lebih banyak manfaat kerjasama bagi kedua-dua buah universiti.



**25 OGOS 2023** UJAZAH TINGGI

### Majlis Promosi Pengajian Pascasiswazah, Akademi Pengajian Islam yang telah diadakan di Kaherah, Mesir

Sekitar Majlis Promosi Pengajian Pascasiswazah, Akademi Pengajian Islam yang telah diadakan di Kaherah, Mesir. Program ini diadakan pada 2 tempat yang berbeza secara serentak, iaitu: di Surau Asrama Wilayah Persekutuan Baharu, Rumah Wilayah Persekutuan dan di Surau Darul Ehsan, Rumah Selangor.



6 JULAI 2023

AKTIVITI JABATAN

### Wacana Tafsir & Hadith Nusantara

Jabatan al-Quran & al-Hadith telah menganjurkan Wacana Tafsir dan Hadith Nusantara. Antara panel yang menyampaikan wacana tersebut ialah Profesor Dr. Islah Gunawan, Dekan Fakultas Ushuluddin & Dakwah, Universitas Islam Negeri (UIN), Raden Mas Said, Surakarta, Dr. Zaenal Muttaqin, pensyarah, Fakultas Ushuluddin & Dakwah, Universitas Islam Negeri (UIN), Raden Mas Said, Surakarta, Profesor Dr. Mustaffa Abdullah, Jabatan al-Quran & al-Hadith, APIUM, Profesor Dr. Ishak Haji Suliaman, Ketua, Jabatan al-Quran & al-Hadith, APIUM dan moderator Prof. Madya Dr. Sedek Ariffin, Jabatan al-Quran & al-Hadith.



14-15 SEPTEMBER 2023

PENYELIDIKAN

### Bengkel Penghasilan Buku ICON IMAD XI 2022

Bengkel ini diadakan susulan daripada ICON IMAD XI 2022 yang telah berlangsung pada 26-27 Oktober 2022 di Grand Asrilia Hotel, Bandung, Indonesia bertemakan "Malay Civilization Facing the Global Challenges of Covid-19". Selepas seminar tersebut, hasrat menerbitkan buku yang berkonsepkan Edited Book (Himpunan beberapa bab dalam buku) hasil daripada artikel-artikel yang dibentangkan amatlah menjadi harapan besar buat semua yang terlibat.



11 SEPTEMBER 2023

PENERBITAN

### Bengkel Penulisan Artikel Indeks Scopus anjuran Jabatan Sejarah & Tamadun Islam

Program ini disampaikan oleh Profesor dan Ketua Jabatan Sejarah & Tamadun Islam, Profesor Dr. Mohd Roslan Mohd Nor. Selain menjelaskan tentang jurnal berindeks Scopus secara umum, para peserta turut didedahkan tentang langkah-langkah untuk menerbitkan artikel di jurnal Scopus dan beberapa faktor yang menyebabkan artikel ditolak oleh penerbit.



| 5 DISEMBER 2023 PENYELIDIKAN

## Syarah bertajuk "Islamic Education in Uzbekistan" telah disampaikan oleh Dr. Uygun Gafurov, Rektor, International Islamic Academy of Uzbekistan (IIAU)

Syarah bertajuk "Islamic Education in Uzbekistan" telah disampaikan oleh Dr. Uygun Gafurov (Rektor, IIAU) dalam bahasa Arab dan Uzbek dengan terjemahan daripada pihak wakil IIAU. Program yang berlangsung di Balai Ilmu Mahmood Zuhdi (BIMZ), APIUM ini dihadiri oleh seramai 40 orang pelajar APIUM. Selesai perkongsian ini, delegasi IIAU bersama Kedutaan Uzbekistan menuju ke Canselori untuk menghadiri satu pertemuan ringkas dengan Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman (Naib Canselor). Seterusnya, berlangsung perbincangan antara delegasi tersebut bersama wakil UM yang dipengerusikan oleh Profesor Dr. Yatimah Alias (Timbalan Naib Canselor, Akademik & Antarabangsa).



| 19 SEPTEMBER 2023 PENERBITAN

## Bengkel Penghasilan Artikel Scopus

Bengkel Penghasilan Artikel Scopus telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Zaizul Ab Rahman daripada Pusat Kajian Usuluddin & Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, bertempat di Balai Ilmu Mahmood Zuhdi (BIMZ @ CUBE), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



20 DISEMBER 2023

PENCIPTAAN NILAI DAN PERUSAHAAN

## Program Inspirasi Pendidikan Kewangan Belia Negara 2023

Program ini telah diadakan di Balai Ilmu Mahmood Zuhdi (BIMZ), APIUM yang dikendalikan oleh MYTIJAROH Resources dengan kolaborasi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Para peserta adalah terdiri daripada para pelajar APIUM daripada pelbagai jabatan. Mereka diberi pendedahan dan kesedaran tentang pengurusan kewangan pada masa hadapan. Terdapat 5 sesi perkongsian yang diadakan sepanjang sehari program ini iaitu menyentuh Asas-asas Pengurusan Kewangan Peribadi Islami, Pengurusan Aliran Tunai-i (Cashflow Management-i), Pengurusan Perbankan-i (Banking Management-i), Pengurusan Pelaburan-i (Investment Management-i) dan Perlindungan Kewangan-i (Financial Coverage-i) yang dikendalikan oleh Ustaz Mohd Fadhil Mohd Faudzi daripada Master Learning Facilitator, MYTIJAROH Resources.



x x x x x x  
x x x x x x

## Program JABATAN

13 OKTOBER 2023 PROGRAM JABATAN

Halaqah Usul Fiqh: Syarahan Bab al-Qiyas dari Kitab al-Luma', karangan Imam Abu Ishaq al-Syairazi, anjuran Jabatan Fiqh & Usul

Majlis ini dipimpin oleh Syeikh Muhammad Su'ud al-Mahri al-Yamani al-Syanqiti, pengajar di Pondok Pesantren Al-Bahjan, Indonesia, pimpinan Buya Yahya. Turut hadir dalam majlis ini ialah para pensyarah daripada Jabatan Fiqh & Usul dan para asatizah dari institusi pengajian tinggi yang lain.

